



Headline: Pesara rugi RM625,500 ditipu *Macau Scam*  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 21 June 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 14

## **Pesara rugi RM625,500 ditipu *Macau Scam***

**JOHOR BAHRU** - Seorang pesara kerugian RM625,500 selepas diperdaya sindiket *Macau Scam* sejak Mei lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Johor, Asisten Komisioner Amran Md Jusin berkata, lelaki berusia 68 tahun itu membuat laporan mengenai kejadian tersebut di Balai Polis Nusa Bestari pada Ahad.

Menurutnya, mangsa diperdaya selepas menerima panggilan telefon daripada suspek yang mendakwa sebagai anggota polis dan menyatakan mangsa terlibat dengan pengambilan ubat terlarang dan penggubahan wang haram.

"Suspek juga telah meyakinkan mangsa akaun bank miliknya akan diaudit dan disiasat. Mangsa diarahkan untuk memindahkan semua wang di dalam akaunnya ke dalam akaun bank lain yang diberikan suspek kononnya bagi tujuan keselamatan.

"Suspek juga memberitahu terdapat perintah Mahkamah Tinggi yang mengarahkan mangsa memberi kerjasama kepada polis. Tanpa usul periksa mangsa telah membuat 22 transaksi bermula 11 Mei sehingga 5 Jun lalu," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Menurut Amran, mangsa hanya menyedari dirinya ditipu selepas memaklumkan perkara itu kepada anaknya.

"Mangsa kemudian bertindak membuat laporan polis dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.